



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)**

---

**GARIS PANDUAN PAPAN TANDA KLINIK SWASTA**

---

**AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998  
[AKTA 586]**

**PERATURAN-PERATURAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN  
KESIHATAN SWASTA (KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU KLINIK PERGIGIAN  
SWASTA) 2006 [P.U. (A) 137/2006]**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai proses di Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) yang memproses permohonan berkaitan klinik swasta/ Pemohon/ Pemegang Perakuan Pendaftaran atau Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) klinik swasta supaya memastikan –
  - 1.1.1 papan tanda di klinik swasta mematuhi ketetapan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturannya; dan
  - 1.1.2 sebarang penyiaran maklumat kemudahan dan perkhidmatan klinik swasta kepada orang awam mematuhi amalan profesional pengamal perubatan atau pergigian.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Akta 586 dan Peraturan-peraturannya mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006 untuk mengawal (*control*), mengawalselia (*regulate*) dan memantau (*monitor*) pelbagai jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) termasuklah klinik swasta.
- 2.2 Secara amnya, seksyen 108, Akta 586 memperuntukkan bahawa iklan yang disiarkan oleh klinik swasta di bawah Akta tersebut hendaklah:
  - 2.2.1 Tidak mengelirukan orang awam tentang jenis atau sifat sesuatu klinik swasta tersebut; dan
  - 2.2.2 Tidak berlawanan dengan apa-apa Arahan mengenai iklan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- 2.3 Namun, Peraturan-Peraturan sedia ada bawah Akta 586 tidak menetapkan secara terperinci berkenaan spesifikasi papan tanda yang berhubungan dengan klinik swasta dan sebagainya.
- 2.4 Papan tanda merupakan suatu bentuk media yang digunakan untuk memaparkan nama klinik yang selaras dengan jenis dan sifat perkhidmatan yang disediakan di sesuatu klinik swasta kepada orang awam.
- 2.5 Papan tanda terutamanya papan tanda utama (papan tanda perniagaan) dan papan tanda di luar premis hendaklah mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa lain yang berkaitan, seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan badan yang mengawal selia maklumat pada papan tanda.
- 2.6 Selain itu, kriteria dan maklumat berkenaan penyiaran maklumat umum (*public information*) yang berhubungan dengan amalan profesional pengamal perubatan atau pergigian di klinik swasta juga adalah tertakluk bawah bidang kuasa badan profesional iaitu Majlis Perubatan Malaysia [*Malaysian Medical Council* (MMC)] dan Majlis Pergigian Malaysia [*Malaysian Dental Council* (MDC)] melalui kod atau peruntukan atau garis panduan yang dikemas kini dari semasa ke semasa. Penyiaran maklumat pada papan tanda tersebut melambangkan imej dan profesionalisme pengamal perubatan atau pergigian di klinik swasta.
- 2.7 Akhir-akhir ini, Kementerian mendapati terdapat kepelbagaian jenis, dimensi, reka bentuk atau maklumat yang dipaparkan pada papan tanda klinik swasta sehingga menimbulkan pelbagai isu kepada orang awam. Maklumat yang mengelirukan pada papan tanda tersebut boleh menjejaskan keselamatan pesakit dan hak pesakit untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti, seterusnya berpotensi menimbulkan isu medikolegal akibat ketidakjelasan maklumat yang tertera pada papan tanda.

- 2.8 Garis panduan ini diwujudkan supaya terdapat keseragaman dan konsistensi dalam perihal papan tanda di klinik swasta, seterusnya memudahkan aktiviti pengawalan atau pengawalseliaan klinik swasta bawah Akta 586.
- 2.9 Bagi klinik pergigian swasta, garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan garis panduan berkaitan *public information* yang dikeluarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia.

### 3. SKOP GARIS PANDUAN

- 3.1 Garis panduan ini menetapkan spesifikasi terhadap papan tanda di klinik swasta (iaitu klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta) yang merangkumi dan tidak terhad kepada perkara-perkara seperti berikut:
  - 3.1.1 Papan tanda utama; dan
  - 3.1.2 Papan tanda subsidiari.
- 3.2 Ilustrasi dan keterangan lanjut berkaitan spesifikasi papan tanda di klinik swasta adalah seperti di **Lampiran**.

### 4. PAPAN TANDA UTAMA

- 4.1 Definisi: Papan tanda utama ialah papan tanda yang menyiarkan identiti klinik swasta kepada orang awam yang diletakkan di bahagian luar (*exterior*) sebuah bangunan, umumnya di bahagian depan.
- 4.2 Spesifikasi berkenaan papan tanda utama di klinik swasta merangkumi perkara berikut:
  - 4.2.1 Lokasi pemasangan;
  - 4.2.2 Nama dan reka bentuk;
  - 4.2.3 Maklumat tambahan yang dibenarkan;
  - 4.2.4 Penggunaan logo, simbol atau grafik; dan
  - 4.2.5 Lain-lain.
- 4.3 Lokasi Pemasangan
  - 4.3.1 Lokasi papan tanda utama perlu dipasang di kedudukan yang selaras dengan alamat klinik yang didaftarkan bawah Akta 586.
  - 4.3.2 Bagi klinik swasta yang terletak di bangunan yang mempunyai lebih daripada satu tingkat, lokasi pemasangan papan tanda utama klinik swasta tersebut tidak boleh melebihi aras di mana klinik tersebut didaftarkan. Contohnya seperti berikut:
    - (a) Bagi klinik swasta yang terletak di lokasi tingkat bawah bangunan, papan tanda utama hanya boleh dipasang di *beam* tingkat bawah bangunan tersebut sahaja (*rujuk Contoh 1*);
    - (b) Bagi klinik swasta dengan alamat pendaftaran yang merangkumi lebih daripada satu aras, papan tanda utama boleh dipasang di

*beam* aras tertinggi di mana lokasi klinik tersebut didaftarkan (*rujuk Contoh 2*) atau setiap tingkat bangunan didaftarkan; dan

- (c) Bagi klinik swasta yang terletak di kawasan terbuka dengan atau tanpa berpagar (*compound*), lokasi pemasangan papan tanda utama klinik tersebut boleh diletakkan di lokasi yang bersesuaian, selaras dengan alamat pendaftaran klinik.

#### 4.4 Nama dan Reka Bentuk

4.4.1 Nama klinik swasta yang tertera pada papan tanda utama hendaklah sama dengan nama klinik seperti yang dimohon dalam Borang A bagi permohonan pendaftaran atau yang tertera pada butiran terkini Perakuan Pendaftaran berkaitan (Borang B/C/F/G) bagi permohonan pindaan.

4.4.2 Reka bentuk atau *style* bagi keseluruhan aksara nama klinik swasta yang tertera pada papan tanda utama perlu mematuhi spesifikasi berikut:

- (a) Saiz dan jenis *font* mestilah jelas dan mudah dibaca serta tidak mengelirukan (*rujuk Contoh 3*);
- (b) Hanya terdiri daripada huruf dan (atau tanpa) nombor;
- (c) Grafik, simbol, logo atau *font* unik bagi menggantikan mana-mana aksara pada nama klinik adalah tidak dibenarkan, melainkan jika terdapat simbol pada nama klinik yang merujuk kepada nama individu atau nama lokasi yang berhubungan dengan klinik tersebut. Contoh “Klinik Dr. Ch’ng & Partners” (*rujuk Contoh 4 hingga 6*); dan
- (d) Tidak bertindih dengan sebarang grafik atau logo.
- (e) Saiz *font* bagi nama klinik dalam terjemahan bahasa lain perlulah lebih kecil dari nama klinik dengan bahasa utama.

#### 4.5 Maklumat Tambahan yang Dibenarkan

4.5.1 Maklumat tambahan yang dibenarkan di papan tanda utama adalah terhad pada maklumat tambahan mengikut kehendak PBT masing-masing seperti contoh (*rujuk Contoh 3*) berikut:

- (a) Terjemahan nama klinik swasta yang lengkap dalam bahasa lain atau tulisan Jawi;
- (b) Alamat klinik, nombor telefon, laman web dan/atau e-mel klinik;
- (c) Penyataan pemilikan usaha niaga seperti “*Dimiliki oleh XYZ Sdn. Bhd., No. 12345678*” yang selaras dengan nama usaha niaga yang didaftarkan bagi klinik swasta tersebut; dan
- (d) Lain-lain maklumat mengikut kehendak PBT masing-masing, seperti jenis atau aktiviti perniagaan (contohnya “KLINIK” atau “KLINIK SWASTA”), nombor kelulusan permit papan tanda dan sebagainya.

4.5.2 Paparan saiz *font* maklumat tambahan tersebut perlu lebih kecil daripada paparan saiz *font* nama klinik atau mengikut kehendak PBT

masing-masing, sekiranya berkaitan.

#### 4.6 Penggunaan Logo, Simbol atau Grafik

4.6.1 Logo, simbol atau grafik (yang bukan sebahagian daripada aksara nama klinik) boleh tertera di papan tanda utama.

4.6.2 Kriteria penggunaan sesuatu logo, simbol atau grafik pada papan tanda utama adalah seperti berikut:

- (a) Diletakkan di sebelah kiri atau kanan nama klinik swasta;
- (b) Tidak berada di antara atau di tengah-tengah nama klinik atau sebagai sebahagian dari huruf/nama klinik; dan
- (c) Pemilihan logo, simbol atau grafik yang dipaparkan tidak boleh mengelirukan orang awam dan tidak boleh bercanggah dengan sifat sesebuah klinik swasta yang menyediakan perkhidmatan perubatan atau pergigian pesakit luar; serta
- (d) Masih mengekalkan elemen profesionalisme.

4.6.3 Larangan penggunaan logo-logo tertentu seperti berikut:

- (a) Menyamai logo fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (b) Penggunaan lambang rasmi mana-mana organisasi (*non-heraldic*);
- (c) Penggunaan lambang Bulan Sabit Merah (pelanggaran Konvensyen-Konvensyen Geneva); dan
- (d) Menyerupai logo produk atau jenama komersial.

#### 4.7 Lain-lain

4.7.1 Larangan-larangan am lain pada papan tanda utama adalah seperti berikut:

- (a) Memaparkan nama atau kelayakan pengamal perubatan atau pergigian (*rujuk Contoh 7*);
- (b) Memaparkan waktu operasi klinik termasuklah pemakluman berkenaan operasi klinik 24 jam sehari (*rujuk Contoh 8*);
- (c) Memaparkan *tagline* atau slogan klinik (*rujuk Contoh 9*);
- (d) Menyenaraikan skop perkhidmatan atau prosedur yang disediakan di klinik sama ada dengan perkataan atau simbol (*rujuk Contoh 10 dan 11*); dan
- (e) Memaparkan apa-apa bentuk atau maklumat lain bagi menggambarkan konsep *feeder clinic* atau cawangan kepada sesebuah hospital swasta berlesen.

4.7.2 Informasi umum berkenaan kawalan PBT terhadap papan tanda:

- (a) Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam pematuhan sebarang Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan dan Garis Panduan Pemasangan Papan Tanda Perniagaan oleh Kerajaan Tempatan masing-masing, termasuklah mendapatkan kelulusan atau permit papan tanda perniagaan sewajarnya;
- (b) Spesifikasi lain berkenaan kawalan PBT adalah bergantung

- kepada PBT masing-masing, antara lain boleh meliputi hal berkenaan tempat pemasangan, jenis dan cara pemasangan, saiz dan bentuk papan tanda, bahasa yang digunakan, serta maklumat tambahan yang diperlukan dan sebagainya; dan
- (c) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kehendak PBT dengan Garis Panduan ini, pemohon klinik swasta perlu mengemukakan dokumen sokongan berkaitan kepada CKAPS untuk penelitian lanjut. Isu akan dinilai secara *case-to-case basis* dan keputusan akhir akan dimaklumkan kepada pemohon, tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Penilaian bawah Akta 586, jika berkaitan.

## 5. PAPAN TANDA SUBSIDIARI

- 5.1 Definisi: Papan tanda subsidiari adalah papan tanda selain papan tanda utama klinik swasta yang diletakkan di bahagian luar (*exterior*) sebuah bangunan untuk penyiaran maklumat tambahan berkenaan klinik swasta kepada orang awam.
- 5.2 Kriteria penggunaan atau pemasangan papan tanda subsidiari di klinik swasta adalah seperti berikut:
- 5.2.1 Lokasi papan tanda subsidiari boleh dipasang di aras yang sama dengan alamat klinik yang didaftarkan dan tidak mengelirukan awam serta terhad dalam perimeter atau alamat klinik swasta yang didaftarkan bawah Akta 586;
- 5.2.2 Saiz papan tanda subsidiari tersebut perlu lebih kecil daripada papan tanda utama; dan
- 5.2.3 Maklumat tambahan yang boleh disiarkan pada papan tanda subsidiari:
- (a) Makluman waktu operasi klinik seperti “Klinik 24 Jam”; dan
  - (b) Senarai perkhidmatan yang selaras dengan skop perkhidmatan yang didaftarkan bawah Akta 586.





## 6. RUJUKAN

- 6.1 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]
- 6.2 Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [*P.U.(A)137/2006*]
- 6.3 Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan dan Pergigian Swasta, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
- 6.4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]
- 6.5 *Local Authorities Ordinance 1996 (Chapter 20), Laws of Sarawak*
- 6.6 *Local Government Ordinance 1961, State of Sabah*
- 6.7 Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan 2018, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- 6.8 Garis Panduan Pengiklanan Untuk Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan (Hospital Swasta, Klinik, Klinik Radiologi Dan Makmal Perubatan Swasta), Lembaga Iklan Dan Ubat, Kementerian Kesihatan Malaysia
- 6.9 *Code Of Professional Conduct 2019, Malaysian Medical Council*
- 6.10 *Guidelines and Provisions For Public Information, Malaysian Dental Council*
- 6.11 Garis Panduan Pendaftaran Nama Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia





ILUSTRASI DAN KETERANGAN BAGI SPESIFIKASI PAPAN TANDA UTAMA







A. Lokasi Pemasangan Papan Tanda Utama












<p><b>Contoh 1:</b> Klinik swasta yang berdaftar (<i>bahagian yang dilorek</i>) terletak di tingkat bawah bangunan sahaja. Contohnya Klinik ABCDEF, lot 2 (Ground floor).....</p>	
PATUH	TIDAK PATUH
	
<p><b>Keterangan:</b> Papan tanda utama hanya boleh dipasang di <i>beam</i> tingkat bawah sahaja.</p>	<p><b>Keterangan:</b> Papan tanda utama tidak boleh dipasang melebihi aras klinik yang didaftarkan.</p>
<p><b>Contoh 2:</b> Klinik swasta yang berdaftar (<i>bahagian yang dilorek</i>) merangkumi tingkat bawah dan tingkat satu bangunan. Contohnya: Klinik ABCDE, Lot 2 (Ground &amp; 1st Floor).....</p>	
	
<p><b>Keterangan:</b> Papan tanda utama dipasang di <i>beam</i> tingkat satu.</p>	<p><b>Keterangan:</b> Sekiranya bilangan papan tanda utama melebihi satu, reka bentuk, saiz dan maklumat pada kesemua papan tanda utama tersebut tidak boleh berbeza.</p>



## B. Kandungan Papan Tanda Utama

Contoh	PATUH	KETERANGAN
3.	 	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nama klinik adalah jelas</li> <li>2. Maklumat lain yang dibenarkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti perniagaan</li> <li>- Nama klinik dalam bahasa lain (lebih kecil daripada nama utama)</li> <li>- Nombor telefon, laman web, e-mel</li> <li>- Pemilikan usaha niaga</li> <li>- Nombor kelulusan papan tanda PBT</li> <li>- Logo grafik yang tidak bertindih dengan nama klinik</li> </ul> </li> </ol>

Contoh	TIDAK PATUH	KETERANGAN
4.	 	<p>Penggunaan grafik, simbol, logo atau <i>font</i> unik bagi menggantikan mana-mana aksara pada nama klinik adalah tidak dibenarkan.</p>
5.	 	
6.	 	

Contoh	TIDAK PATUH	KETERANGAN
7.	 <div data-bbox="321 268 1040 501" style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>KLINIK</p>  <h2 style="margin: 0;">MAR VEL CLINIC</h2> <p style="text-align: center; border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">Dr Mar Vel D.C. MBBS (Ireland), CMIA (NIOASH)</p> <p>Tel: 000-12345678    Web: www.abcdef.com    Emel: abcdef@def.com</p> <p style="text-align: right; font-size: small;">Dimiliki oleh Abcdef Sdn. Bhd. (No. 00000-X) No. 1234567XYZ</p> </div>	<p>Nama atau kelayakan pengamal profesional adalah tidak dibenarkan.</p>
8.	 <div data-bbox="321 592 1040 825" style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>KLINIK</p>  <h2 style="margin: 0;">MAR VEL CLINIC</h2> <p>Tel: 000-12345678    Web: www.abcdef.com    Emel: abcdef@def.com</p> <p style="text-align: center; border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">24 Hours Clinic</p> <p style="text-align: right; font-size: small;">Dimiliki oleh Abcdef Sdn. Bhd. (No. 00000-X) No. 1234567XYZ</p> </div>	<p>Makluman “Klinik 24 Jam” tidak dibenarkan.</p>
9.	 <div data-bbox="321 911 1040 1144" style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>KLINIK</p>  <h2 style="margin: 0;">MAR VEL CLINIC</h2> <p>Tel: 000-12345678    Web: www.abcdef.com    Emel: abcdef@def.com</p> <p style="text-align: center; border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;"><i>The Heroes In Healthcare</i></p> <p style="text-align: right; font-size: small;">Dimiliki oleh Abcdef Sdn. Bhd. (No. 00000-X) No. 1234567XYZ</p> </div>	<p>Slogan atau <i>tagline</i> tidak dibenarkan.</p>
10.	 <div data-bbox="321 1251 1040 1505" style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>KLINIK</p>  <h2 style="margin: 0;">MAR VEL CLINIC</h2> <p>Tel: 000-12345678    Web: www.abcdef.com    Emel: abcdef@def.com</p> <p style="text-align: center; border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">Health Screening ~~~~~ Wound Care ~~~~~ Antenatal Care ~~~~~ Nebuliser Immunisation ~~~~~ ECG ~~~~~ Ultrasound ~~~~~ X-Ray and many more....</p> <p style="text-align: right; font-size: small;">Dimiliki oleh Abcdef Sdn. Bhd. (No. 00000-X) No. 1234567XYZ</p> </div>	<p>Senarai kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan di klinik tidak dibenarkan.</p>
11.	 <div data-bbox="321 1621 1040 1875" style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>KLINIK</p>  <h2 style="margin: 0;">MAR VEL CLINIC</h2> <p>Tel: 000-12345678    Web: www.abcdef.com    Emel: abcdef@def.com</p> <p style="text-align: center; border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">  </p> <p style="text-align: right; font-size: small;">Dimiliki oleh Abcdef Sdn. Bhd. (No. 00000-X) No. 1234567XYZ</p> </div>	